

**IMPORTANT NOTICE:**

**THIS IS AN INVESTMENT ACCOUNT PRODUCT THAT IS TIED TO THE PERFORMANCE OF THE UNDERLYING ASSETS, AND NOT A DEPOSIT PRODUCT.**

**CUSTOMER IS ADVISED TO READ AND UNDERSTAND THE TERMS AND CONDITIONS BEFORE AGREEING TO SUBSCRIBE FOR ANY PRODUCT OR SERVICE AND/OR PARTICIPATING IN ANY OF BANK ISLAM'S CAMPAIGNS AND PROMOTIONS.**

**NOTIS PENTING:**

**INI ADALAH PRODUK AKAUN PELABURAN YANG TERIKAT KEPADA PRESTASI ASET, DAN BUKAN PRODUK DEPOSIT.**

**PELANGGAN ADALAH DINASIHATI UNTUK MEMBACA DAN MEMAHAMI TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT INI SEBELUM BERSETUJU UNTUK MELANGGAN MANA-MANA PRODUK ATAU PERKHIDMATAN DAN/ATAU MENGAMBIL BAHAGIAN DI DALAM MANA-MANA KEMPEN DAN PROMOSI BANK ISLAM.**

**1.0 DEFINITION**

In this Terms and Conditions (this T&C), unless otherwise provided, the following words shall have the meaning as set out below:

**“Wafiyah Investment Account” or “Wafiyah”** means this Unrestricted Investment Account product offered by Bank Islam based on the Shariah contract of Wakalah.

**“Bank Islam”** means Bank Islam Malaysia Berhad (Company No. 198301002944) a company incorporated in Malaysia with its registered address at Level 32, Menara Bank Islam, 22 Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur.

**“Investment Account” or “IA”** means an account under which money/ principal is paid and accepted for the purpose of investment, including for the provision of finance, in accordance with Shariah on terms that there is no express or implied obligation to repay the money in full and with or without any return.

**“Investment Account Holder” or “IAH”** means the account holder of an IA.

**“Investor Suitability Assessment Form”** means the assessment form to assess the suitability of the prospective IAH pertaining to the IA product.

**“Product Disclosure Sheet” or “PDS”** means a sheet containing the relevant information and disclosure of the main terms of the relevant IA product.

**“Unrestricted Investment Account”** means a type of IA where the IAH provides Bank Islam with the mandate to make the ultimate investment decision without specifying any particular restrictions or conditions.

**“Wakalah”** means a contract in which a party (muwakkil) authorises another party as their agent (wakil) to perform a particular task, in matters that may be delegated, with or without imposition of fee.

**“Wakalah Bil Istithmar”** means a form of wakalah contract (or agency contract) entered into for the purpose of investment.

**1.0 DEFINISI**

Di dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini (T&C ini), melainkan jika diperlukan sebaliknya, perkataan-perkataan berikut hendaklah mempunyai erti seperti yang dinyatakan di bawah:

**“Akaun Pelaburan Wafiyah” atau “Wafiyah”** bermaksud produk Akaun Pelaburan Tidak Terhad ini yang ditawarkan oleh Bank Islam berdasarkan prinsip Syariah iaitu Wakalah.

**“Bank Islam”** bermaksud Bank Islam Malaysia Berhad (No. Syarikat 198301002944) sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dengan pejabat berdaftar Tingkat 32, Menara Bank Islam, 22 Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur.

**“Akaun Pelaburan” atau “IA”** bermaksud akaun di mana wang/prinsip yang dibayar dan diterima bagi tujuan pelaburan, termasuk bagi peruntukan kewangan, selaras dengan prinsip Syariah dengan terma yang tidak dinyatakan secara nyata atau tersirat bahawa tanggungjawab untuk membayar balik wang itu sepenuhnya dan dengan ata tanpa apa-apa pulangan.

**“Pemegang Akaun Pelaburan” atau “IAH”** bermaksud pemegang akaun bagi IA.

**“Borang Penilaian Kesesuaian Pelabur”** bermaksud borang penilaian untuk menilai kesesuaian bakal IAH yang berkaitan dengan produk IA.

**“Lembaran Maklumat Produk” atau “PDS”** bermaksud lembaran yang mengandungi maklumat dan pendedahan yang berkaitan dengan terma-terma utama bagi produk IA yang berkaitan.

**“Akaun Pelaburan Tidak Terhad”** bermaksud sejenis IA di mana IAH memberikan mandat penuh kepada Bank Islam untuk membuat keputusan pelaburan muktamad tanpa menyatakan apa-apa sekatan atau syarat-syarat tertentu.

**“Wakalah”** bermaksud suatu kontrak di mana pihak (muwakkil) membenarkan pihak lain sebagai wakil untuk melaksanakan tugas yang tertentu, dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran tertentu.

**“Wakalah Bil Istithmar”** bermaksud satu bentuk kontrak wakalah (atau kontrak agensi) yang dimeterai untuk tujuan pelaburan.

**2.0 OPENING OF ACCOUNT**

- 2.1 Any application to open an IA shall be made using the prescribed form and may be accompanied with the relevant documents as requested by Bank Islam. For application made by company, an instruction letter signed by the applicant's authorized signatories may be requested by Bank Islam.
- 2.2 Unless otherwise exempted, any application to open an IA shall be accompanied with a duly completed Investor Suitability Assessment Form.
- 2.3 By making an application to open an IA, the IAH confirms that he/she has read and understood the PDS related to IA product.
- 2.4 By executing the application form for opening of account and/or performing his/her biometric scanning at Bank Islam, the IAH hereby agrees to invest the money into IA product based on Wakalah contract for Bank Islam to invest in whatever way that Bank Islam deems fit. Any profit made from the said investment shall be credited into the account according to the conditions set by Bank Islam.
- 2.5 Individual who has attained the age of at least eighteen (18) years are eligible to open an individual or a joint IA.
- 2.6 Bank Islam may, to the extent permitted by law and Shariah principles accept the opening or continuance of IA product.
- 2.7 The tenure of the investment for any placement using cheque will commence upon the cheque clearance.

**2.0 PEMBUKAAN AKAUN**

- 2.1 Sebarang permohonan untuk membuka IA hendaklah dibuat dengan menggunakan borang yang telah ditetapkan dan mungkin disertakan beserta dokumen-dokumen yang berkaitan, seperti mana yang diminta oleh Bank Islam. Bagi permohonan yang dibuat oleh Syarikat, surat arahan yang ditandatangani oleh penandatangan sah yang dilantik juga mungkin diminta oleh pihak Bank Islam.
- 2.2 Permohonan untuk membuka IA hendaklah disertakan dengan satu Borang Penilaian Kesesuaian Pelabur yang lengkap melainkan jika dikecualikan.
- 2.3 Dengan membuat permohonan untuk membuka IA, IAH mengesahkan bahawa dirinya telah membaca dan memahami PDS yang berkaitan dengan produk IA.
- 2.4 Dengan menandatangani borang permohonan pembukaan akaun dan/atau membuat imbasan biometrik kepada pihak Bank Islam, IAH dengan ini bersetuju untuk melaburkan wang ke dalam produk IA berdasarkan kontrak Wakalah untuk Bank Islam laburkan sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh pihak Bank Islam. Sebarang keuntungan yang dijana daripada pelaburan akan dikreditkan ke akaun berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Bank Islam.
- 2.5 Individu yang telah mencapai usia sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun layak untuk membuka IA individu atau bersama.
- 2.6 Bank Islam boleh, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang dan prinsip Shariah menerima pembukaan atau penerusan produk IA.
- 2.7 Tempoh pelaburan yang menggunakan cek hanya akan bermula setelah cek tersebut dijelaskan.

**3.0 JOINT ACCOUNT**

- 3.1 The following terms and conditions shall apply to a joint account:
- the liability of the joint IAH to Bank Islam shall be joint and several;
  - in the event of bankruptcy or demise one of the joint IAHs, Bank Islam is authorised to close the joint account and release the remaining balance in the joint account to the surviving or solvent IAH as trustee. Such release shall constitute a valid discharge by Bank Islam of the amount in the account without any liability to the IAH or heirs of the joint IAH;
  - if any instructions from joint IAH are ambiguous or Bank Islam receives conflicting instructions, Bank Islam reserves the right not to act upon any instructions until the conflict has been resolved to Bank Islam's satisfaction, without any liability to the joint IAHs; and
  - any amendment to this mandate shall require the signatures from all joint IAHs. Any request to close the account will be treated as valid and acceptable by Bank Islam if it is signed by all joint IAHs.

**3.0 AKAUN BERSAMA**

- 3.1 Terma-terma dan syarat-syarat berikut terpakai bagi akaun bersama:
- liabiliti pemegang akaun bersama kepada Bank Islam adalah secara bersama dan berasingan;
  - jika salah seorang daripada IAH bersama meninggal dunia atau diisyithar bankrap, Bank Islam berhak untuk menutup akaun bersama dan melepaskan baki daripada akaun bersama tersebut kepada IAH yang tidak muflis atau masih hidup sebagai pemegang amanah. Pelepasan daripada jumlah dalam akaun tersebut akan menjadi pelepasan yang sah oleh Bank Islam tanpa sebarang liabiliti terhadap IAH atau atau waris-waris kepada IAH bersama;
  - sekiranya terdapat apa-apa arahan dari IAH bersama yang tidak jelas atau bercanggah, Bank Islam berhak untuk tidak bertindak atas apa-apa arahan sehingga konflik tersebut telah diselesaikan menurut kepuasan Bank Islam tanpa sebarang liabiliti kepada IAH bersama; dan
  - sebarang pindaan kepada mandat memerlukan tandatangan daripada semua IAH bersama. Sebarang permintaan untuk menutup akaun akan dianggap sebagai sah dan boleh diterima oleh Bank Islam jika ditandatangani oleh semua IAH bersama.

**4.0 PARTNERSHIP ACCOUNT**

- 4.1 The following terms and conditions shall apply to a partnership account:

**4.0 AKAUN PERKONGSIAN**

- 4.1 Terma-terma dan syarat-syarat berikut terpakai bagi akaun perkongsian:

**Effective 1 April 2022 / Berkuat kuasa 1 April 2022**

- a) the liability of the joint IAH to Bank Islam shall be joint and several;
  - b) if the partnership is dissolved, the remaining balance in the account shall be distributed based on the partnership agreement or the court's order;
  - c) any instruction issued pertaining to the operation of the partnership account shall remain enforceable until its revocation in writing, without taking into consideration any amendments made to the constitution or the firm's name and it is applicable without taking into consideration of the firm's membership affected by the death of the partner, bankruptcy and retirement or with the entry of the new partner;
  - d) if any instructions from any partners and/or the authorised signatories of the partnership IA is too ambiguous or Bank Islam receives conflicting instructions, Bank Islam reserves the right not to act based upon any of the instructions until the conflict has been resolved up to Bank Islam's satisfaction, without any liability to the partnership IA, the partners and/or authorised signatories of the partnership IA; and
  - e) any amendment to the mandate would require agreement and signature from all partners. Any request to close the IA will be considered valid and acceptable by Bank Islam if it is agreed and signed by all partners.
- a) liabiliti pemegang akaun bersama kepada Bank Islam adalah secara bersama dan berasingan;
  - b) jika perkongsian, jumlah baki di dalam akaun akan diaghikhan mengikut perjanjian perkongsian atau perintah mahkamah;
  - c) apa-apa arahan yang diberikan untuk pengoperasian akaun perkongsian akan kekal berkuat kuasa sehingga pembatalannya secara bertulis, tanpa mengambil kira sebarang perubahan dalam perlembagaan atau nama firma dan adalah terpakai tanpa mengambil kira perubahan dalam keahlian firma samada akibat kematian rakan kongsi, kebankrakan dan persaraan atau dengan kemasukan rakan kongsi yang baharu;
  - d) sekiranya terdapat apa-apa arahan dari mana-mana rakan kongsi atau penandatangan sah akaun perkongsian IA yang tidak jelas atau bercanggah Bank Islam berhak untuk tidak bertindak atas apa-apa arahan sehingga konflik tersebut telah diselesaikan menurut kepuasan Bank Islam, tanpa sebarang liabiliti kepada akaun perkongsian IA, mana-mana rakan kongsi dan/atau penandatangan sah IA tersebut; dan
  - e) melainkan dipersetujui selainnya oleh semua rakan kongsi, sebarang pindaan kepada mandat memerlukan tandatangan daripada semua rakan kongsi. Sebarang permintaan untuk menutup IA akan dianggap sebagai sah dan boleh diterima oleh Bank Islam jika ditandatangani oleh semua rakan kongsi.

**5.0 INVESTMENT ACTIVITIES**

- 5.1 Wafiyah is an Unrestricted Investment Account product that is based on the Shariah contract of Wakalah.
- 5.2 Under Wafiyah, the IAH as the muwakkil or principal authorises Bank Islam as wakil or agent to undertake investment activities and in return Bank Islam will receive agency fee for the services provided. However, Bank Islam agrees to waive such agency fee.
- 5.3 If the IAH is not present to redeem the investment at maturity date, Bank Islam shall regard that the IAH has given consent to Bank Islam to renew the investment automatically and appoint Bank Islam as wakil for the subsequent investment. With this appointment, the action is deemed as transactional/ operational activity by the IAH for the renewal of investment.
- 5.4 The IAH acknowledges that he/she fully understands the risks associated with Wafiyah including the possibility to incur financial losses in whole or in part of his/her capital investment in Wafiyah

**5.0 AKTIVITI PELABURAN**

- 5.1 Wafiyah merupakan produk Akaun Pelaburan Tidak Terhad yang berasaskan prinsip Syariah iaitu Wakalah.
- 5.2 Di bawah Wafiyah, IAH sebagai muwakkil atau prinsipal memberi kuasa kepada Bank Islam sebagai wakil atau ejen untuk mengusahakan aktiviti pelaburan dan sebagai balasan Bank Islam akan menerima bayaran agensi untuk perkhidmatan yang disediakan. Namun, Bank Islam bersetuju untuk mengetepikan fi agensi tersebut.
- 5.3 Jika IAH tidak hadir untuk menebus pelaburan pada tarikh matang, Bank Islam sebagai wakil menganggap bahawa IAH telah memberikan kebenaran kepada Bank Islam untuk memperbaharui pelaburan secara automatik dan melantik Bank Islam sebagai wakil untuk pelaburan yang berikutnya. Dengan pelantikan ini, tindakan itu disifatkan sebagai suatu aktiviti transaksi/ operasi oleh IAH bagi pembaharuan pelaburan.
- 5.4 IAH mengakui bahawa dia telah memahami sepenuhnya segala risiko yang berkaitan dengan Wafiyah termasuk kemungkinan untuk mengalami kerugian kewangan secara keseluruhan atau sebahagian daripada pelaburan modal di dalam Wafiyah tersebut.

**6.0 INVESTMENT OBJECTIVES AND STRATEGIES**

Every IA shall be governed by the investment objectives and strategies as set out in the PDS.

**6.0 OBJEKTIF PELABURAN DAN STRATEGI**

Objektif dan strategi pelaburan setiap IA adalah seperti yang dinyatakan di dalam PDS.

**7.0 PROFIT PAYMENT**

- 7.1 Any profits derived from the investment activities, if any, shall be paid by Bank Islam to the IAH in accordance with the expected profit rate or actual profit rate determined by Bank Islam from time to time. Please refer to Bank Islam's website at [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

**7.0 BAYARAN KEUNTUNGAN**

Sebarang keuntungan yang diperoleh daripada aktiviti pelaburan, jika ada, hendaklah dibayar oleh pihak Bank Islam kepada IAH mengikut kadar keuntungan yang dijangkakan atau kadar keuntungan sebenar yang ditentukan oleh Bank Islam dari semasa ke semasa. Sila rujuk laman web Bank Islam di [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

**Effective 1 April 2022 / Berkuat kuasa 1 April 2022**

|     |   |     |   |
|-----|---|-----|---|
| 7.2 | The calculation of profits shall be determined by Bank Islam and may be referred to Bank Islam's website <a href="http://www.bankislam.com">www.bankislam.com</a> .   | 7.2 | Pengiraan keuntungan akan ditentukan oleh Bank Islam dan boleh dirujuk di laman web Bank Islam di <a href="http://www.bankislam.com">www.bankislam.com</a> .  |
| 7.3 | The profits, if any, shall be paid at maturity or such other interval as set out in the PDS.  | 7.3 | Keuntungan, jika ada, akan dibayar pada tarikh matang atau pada jangka masa seperti yang dinyatakan di dalam PDS.   |
| 7.4 | If the investment shall have suffered a loss, Bank Islam shall pay to the IAH the amount equivalent to the investment amount less the loss incurred.  | 7.4 | Jika pelaburan tersebut mengalami kerugian, Bank Islam hendaklah membayar kepada IAH jumlah yang bersamaan dengan jumlah pelaburan tolak kerugian yang ditanggung.  |
| 7.5 | Any loss or erosion of the principal investment amount shall be borne solely by the IAH except for the loss which is due to or arising from any act of misconduct, negligence or breach of specific terms by Bank Islam.  | 7.5 | Sebarang kerugian atau pengurangan jumlah prinsipal pelaburan hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh IAH kecuali dan melainkan kerugian yang disebabkan oleh atau yang timbul daripada apa-apa perbuatan salah laku, kecuaian atau pelanggaran syarat-syarat tertentu oleh Bank Islam.  |
| 7.6 | In the event of Bank Islam's (as agent for IAH) misconduct, negligence or breach of specified terms which result in a lower profit rate than the expected profit rate of such investment or loss or erosion of the principal investment amount, Bank Islam shall compensate (if any) the IAH where the compensation payable will be determined based on Bank Islam's mechanism, regulatory requirements, and/or prevailing laws, whichever is applicable. | 7.6 | Sekiranya berlaku salah laku, kecuaian atau pelanggaran syarat-syarat oleh pihak Bank Islam (sebagai wakil IAH) yang menyebabkan kadar keuntungan yang lebih rendah daripada kadar keuntungan dijangka bagi pelaburan tersebut atau kehilangan atau pengurangan jumlah pelaburan pokok, Bank Islam hendaklah memberi pampasan (jika perlu) kepada IAH di mana pampasan yang perlu dibayar akan ditentukan tertakluk kepada mekanisma Bank Islam, peruntukan pihak pengawasan dan/atau undang-undang sedia ada, mana-mana yang terpakai. |

| 8.0 | INVESTMENT REDEMPTION AND SUSPENSION   | 8.0 | PELABURAN PENEBUSAN DAN PENGGANTUNGAN  |
|-----|--|-----|--|
| 8.1 | The IAH may redeem the investment at maturity where the IAH may receive the principal investment amount together with his/her profit payment (if any) arising from the investment activities undertaken by Bank Islam.   | 8.1 | IAH boleh menebus pelaburan pada tempoh matang di mana IAH boleh menerima jumlah pelaburan pokok bersama-sama dengan bayaran keuntungan (jika ada) hasil daripada aktiviti pelaburan yang dijalankan oleh Bank Islam.                          |
| 8.2 | The IAH may reinvest the available principal investment amount together with the profit from this investment for such further tenure with the expected profit rate as may be determined Bank Islam.  | 8.2 | IAH boleh melabur semula jumlah pelaburan pokok yang ada bersama dengan keuntungan daripada pelaburan ini bagi tempoh yang sama dengan kadar keuntungan yang dijangka sebagaimana yang ditentukan oleh Bank Islam.                             |
| 8.3 | The IAH may receive a sum of less than their initial investment if the IAH redeems all of the investment before its maturity depending on the market value of the underlying/ allocated asset of which the IAH's investment is linked to at the point of the premature redemption. | 8.3 | IAH boleh menerima jumlah yang kurang daripada pelaburan awal mereka jika IAH menebus semua pelaburan sebelum tarikh matang bergantung kepada nilai pasaran aset sandaran/ yang diperuntukkan di mana pelaburan dikaitkan pada masa penebusan. |
| 8.4 | The IAH will receive a lower profit rate in the event of premature redemption.   | 8.4 | IAH akan menerima keuntungan yang lebih rendah jika berlaku pengeluaran pramatang.   |
| 8.5 | No partial redemption of the investment before its maturity is allowed by Bank Islam.  | 8.5 | Penebusan separa sebelum tarikh matang adalah tidak dibenarkan oleh Bank Islam.  |
| 8.6 | Notwithstanding the foregoing or anything contained herein, Bank Islam shall have the right to suspend any redemption of Wafiyah under any of the following circumstances:   | 8.6 | Walau apa pun yang tersebut di atas atau apa-apa yang terkandung di dalam terma ini, Bank Islam hendaklah mempunyai hak untuk menggantung mana-mana penebusan Wafiyah di bawah mana-mana hal atau keadaan yang berikut:                        |
| a)  | market wide failure or financial/economic crisis which includes but not limited to stock market crash or asset-price crash; or   | a)  | kegagalan pasaran yang luas atau krisis kewangan/ ekonomi yang termasuk tetapi tidak terhad kepada kejatuhan pasaran saham atau kejatuhan harga aset; atau   |
| b)  | exceptional operational failure such as wide-scaled black-out or system failure; or  | b)  | kegagalan operasi yang luar biasa seperti bekalan elektrik terputus (blackout) berskala lebar atau kegagalan sistem; atau  |
| c)  | underlying/ allocated assets shall not be capable of being liquidated at appropriate price; or   | c)  | sandaran/ aset yang diperuntukkan tidak akan mampu menjadi jumlah tertentu pada harga yang sesuai; atau  |
| d)  | the IAH's interest will be at jeopardy if redemption is not suspended; or  | d)  | kepentingan IAH berada pada keadaan bahaya jika penebusan tidak digantung; atau  |
| e)  | any other event or circumstances which Bank Islam may at its reasonable discretion.  | e)  | apa-apa kejadian atau keadaan di mana Bank Islam boleh mengikut budi bicara yang munasabah.  |

**9.0 AUTHORISATION**

All cheques, banker's cheques, bank's drafts, Negotiable Islamic Debt Certificate, money orders, postal orders, warrants and other financial instruments which have been dishonoured shall be returned by hand or by registered post to the IAH's address last registered with Bank Islam, at the IAH's risk and expenses. Save for negligence on the part of Bank Islam, Bank Islam shall not be responsible or liable for any unauthorised entries in the IAH's account. The IAH shall therefore carefully examine the entries in the account and notify Bank Islam of any errors, irregularities, discrepancies, claims or unauthorized debits or items whether made, processed or paid as a result of forgery, fraud, lack of authority, negligence or otherwise by any person whatsoever. Failure by the IAH to notify Bank Islam in writing of the non-receipt of the statement or failure to notify Bank Islam in writing of any errors, discrepancies, irregularities or unauthorized claims, debits or transactions in the statement within fourteen (14) calendar days from the date of the statement, the records on the statement shall be the evidence that transaction(s) stated in the said statement is/are properly carried out and the IAH shall have accepted all matters contained in the statement as true and accurate in all respects. Any disputes as to the transactions brought to Bank Islam's notice after the said fourteen (14) calendar days shall not be entertained by Bank Islam.

**9.0 KEBENARAN**

Semua cek, cek jurubank, draf bank, Sijil Hutang Islam Boleh Niaga, kiriman wang, wang pos, waran dan sebarang intrumen kewangan yang tidak laku akan dikembalikan dengan tangan atau melalui pos berdaftar ke alamat IAH yang terakhir daftarkan dengan Bank Islam, di atas risiko dan perbelanjaan IAH. Melainkan terdapat kecualian pada pihak Bank Islam, Bank Islam tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kemasukan atau catatan (entry) yang tidak dibenarkan di dalam akaun IAH. IAH hendaklah berhati-hati semasa memeriksa catatan di dalam akaun dan memaklumkan kepada pihak Bank Islam tentang apa-apa kesilapan, ketaksamaan, percanggahan, tuntutan atau debit tanpa kebenaran atau butiran yang sama ada dibuat, diproses atau dibayar akibat pemalsuan, penipuan, tiada kebenaran, kecualian atau selainnya oleh mana-mana orang sekalipun. Kegagalan IAH untuk memberitahu pihak Bank Islam secara bertulis tentang penyata yang tidak diterima atau kegagalan memberitahu pihak Bank Islam secara bertulis tentang apa-apa kesilapan, percanggahan, ketaksamaan atau tuntutan, debit atau urusniaga tanpa kebenaran pada penyata dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penyata, rekod dalam penyata adalah keterangan bahawa urus niaga yang dinyatakan di dalam penyata tersebut telah dilaksanakan dengan betul dan IAH telah menerima semua perkara yang terkandung di dalam penyata itu sebagai benar dan tepat dalam semua hal. Apa-apa pertikaian tentang urusniaga yang dikemukakan untuk perhatian Bank Islam selepas tempoh empat belas (14) hari tersebut tidak akan dilayan oleh Bank Islam.

**10.0 PLEDGE AS SECURITY**

Wafiyah may be pledged as security for the performance or discharge of any obligation or any liability of the IAH to Bank Islam hereunder, where applicable. Otherwise, the account shall not be pledged or charged for any other reasons whatsoever.

**10.0 CAGARAN SEBAGAI SEKURITI**

Wafiyah boleh dicagarkan sebagai sekuriti bagi perlaksanaan atau pelunasan sebarang obligasi atau liabiliti IAH kepada Bank Islam, mengikut keperluan. Jika tidak, akaun itu tidak akan dicagarkan atau dengan sebarang sebab yang lain.

**11.0 VALUATION METHOD AND FREQUENCY**

Valuation will be carried out in line with the recognition and measurement criteria of the applicable Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS). IAH will be able to obtain information pertaining to the Investment Account from Bank Islam website at [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

**11.0 KAEDAH PENILAIAN DAN KEKERAPAN**

Penilaian akan dilaksanakan selaras dengan pengiktirafan dan pengukuran kriteria Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS). IAH boleh mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan Akaun Pelaburan dari laman web Bank Islam di [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

**12.0 FEES AND CHARGES**

- 12.1 No penalty charges will be imposed for any premature redemption.
- 12.2 Unless expressly stated herein, the IAH agrees that Bank Islam shall be entitled to charge a fee for any of its services provided to the IAH at the rates imposed by Bank Islam (as approved by Bank Negara Malaysia) and as set out in Bank Islam's website at [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com). Bank Islam shall have the right to debit the IAH's account for the said charges.

**12.0 YURAN DAN CAJ**

- 12.1 Tiada caj penalti akan dikenakan untuk sebarang penebusan pramatang.
- 12.2 Kecuali dinyatakan secara jelas, IAH bersetuju bahawa Bank Islam berhak mengenakan fi untuk mana-mana perkhidmatan yang diberikan kepada IAH pada kadar yang dikenakan oleh Bank Islam (seperti yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia) dan seperti yang dinyatakan di laman web Bank Islam di [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com). Bank Islam berhak mendebitkan akaun IAH untuk caj tersebut.

**13.0 INSTRUCTIONS**

Any instructions from the IAH to Bank Islam in respect of IA shall be in writing and signed by the IAH. Any such instructions shall be effective only upon receipt by Bank Islam.

**13.0 ARAHAN**

Apa-apa arahan dari IAH kepada Bank Islam berkenaan IA hendaklah dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh IAH. Arahan-arahan tersebut hanya berkuat kuasa apabila diterima oleh pihak Bank Islam.

| <b>14.0</b> | <b>FREEZING, HOLDING, SUSPENDING AND/OR CLOSING OF ACCOUNT</b>  | <b>14.0</b> | <b>PEMBEKUAN, PENAHANAN, PENGANTUNGAN DAN/ATAU PENUTUPAN AKAUN</b>  |
|-------------|---|-------------|---|
| 14.1        | Bank Islam may freeze, hold, suspend, close and/or place any other appropriate tagging on IAH's account whatsoever and dealing with the balances in the IAH's account at Bank Islam's discretion upon receipt of the notice of death, insanity, bankruptcy and winding-up or upon being served with order from court, relevant authorities, or enforcement agencies, or at Bank Islam's opinion proper and necessary to do so (where it is final and binding).  | 14.1        | Pihak Bank Islam boleh membekukan, menahan, menggantung, menutup dan/atau meletakkan apa-apa tanda lain yang sesuai pada akaun IAH dan menguruskan baki-baki di dalam akaun IAH mengikut budi bicara pihak Bank Islam apabila menerima notis kematian, hilang akal, muflis, dan bankrap atau apabila disampaikan perintah daripada mahkamah, mana-mana pihak berkuasa atau agensi penguatkuasaan, atau mengikut pendapat pihak Bank adalah sesuai dan perlu untuk berbuat demikian (yang mana ianya muktamad dan mengikat).   |
